

## SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PILIHANRAYA DI MALAYSIA

### Permulaan Pilihanraya

Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) telah diadakan pada tahun 1955. Ini merupakan satu detik yang paling penting kerana pada saat inilah satu sistem pilihanraya peringkat Persekutuan diperkenalkan pada pertama kalinya.

Sebenarnya ura-ura dan desakan-desakan supaya diadakan satu pilihanraya bagi Persekutuan Tanah Melayu (ketika itu) telah lama disuarakan sejak sebelum tahun 1955 lagi.

Malah perkara untuk mengadakan pilihanraya ini telah disebut di dalam kajian cadangan-cadangan mengenai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1947.<sup>29</sup> Dalam cadangan-cadangan ini ada disebut tentang kodudukan dan bilangan ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Menurut cadangan ini, salah satu cara untuk memilih ahli ke Majlis Perundangan Persekutuan ialah dengan cara pilihanraya.

Dalam Perjanjian Persekutuan 1948, sendiri terdapat satu 'ceraian' yang menyebut tentang pilihanraya yang patut diadakan untuk Tanah Melayu. Tetapi ada beberapa perkara yang menyebabkan pilihanraya ini lambat diadakan. Antaranya ialah seperti ancaman komunis

---

<sup>29</sup> Lihat, Federation of Malaya, Summary of Revised Constitutional Proposal, London, 1947, m.s. 6 - 7.

dan kesukaran untuk menyiapkan satu senarai pemilih (electoral rolls) kerana soal yang berkaitan dengan kewarganegaraan. Dicadangkan juga sebelum Pilihanraya peringkat Persekutuan diadakan, hendaklah diadakan dahulu pilihanraya diperingkat Majlis Tempatan, Majlis Bandaran dan Negeri.<sup>30</sup>

Daripada masa kesemasa beberapa pilihanraya peringkat Majlis Tempatan telah diadakan terlebih dahulu. Pilihanraya peringkat Majlis Bandaran yang pertama telah diadakan bagi bandar Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.<sup>31</sup>

Bila ancaman-ancaman komunis semakin redz, ura-ura dan desakan-desakan supaya diadakan pilihanraya semakin rancak disuarakan. Perkara ini semakin lantang di Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>32</sup>

Dalam Persidangan Majlis Perundangan Persekutuan pada 20hb Mac 1953, Datuk Abdul Razak (ketika itu) sebagai seorang daripada ahli Majlis menyatakan:

"Dalam ucapan (Pecuruhjaya Tinggi) tentang kejayaan yang ditunjukkan dalam Pilihanraya Majlis Tempatan disebutkan sebagai begitu menggalakan. Olehkerana ini adalah elok jika dimulakan pilihanraya pada peringkat yang lebih tinggi (Peringkat Persekutuan)." <sup>33</sup>

---

<sup>30</sup> Lihat, Carnal, Francis G., Constitutional Reform And Election In Malaya, Pacific Affair, Vol. 27, No. 3, September 1954, m.s. 221.

<sup>31</sup> Ibid., m.s. 221.

<sup>32</sup> Federation of Malaya, Proceeding of Legislative Council (Sixth Session), March 1953 to January 1954, Government Printer, Kuala Lumpur, m.s. 285, 152 & 223.

<sup>33</sup> Lihat, Ibid., m.s. 152.

Dalam persidangan dan hari yang sama, Tunku Abdul Rahman juga menyebut supaya diadakan pilihanraya peringkat Persekutuan secepat mungkin. Katanya:

"Yang Mulia (Pesuruhjaya Tinggi) hendaklah mengakui bahawa rakyat negeri ini adalah mempunyai kesedaran politik dan ingin melihat perubahan kearah demokrasi yang sebenarnya. Rakyat negeri ini ingin melihat penyusunan semula dalam sistem perwakilan Majlis, terutama Majlis Perundangan. ... Seseorang sudah sapututnya menjangkakan bahawa sekarang sudah sampai masanya diadakan pilihanraya untuk Majlis Persekutuan. ... Saya ingin menekankan bahawa rakyat negeri ini sangat berminat supaya pilihanraya peringkat kebangsaan diadakan."<sup>34</sup>

Seorang lagi ahli Majlis, Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman menyatakan:

"... Rakyat negeri ini sudah cukup menikmati apa yang mereka dapati ... dan (mereka) ingin benar memilih perwakilan mereka sendiri dikedudukan yang paling tinggi dalam Majlis Perundangan Negeri ini."<sup>35</sup>

Olehkerana keadaan yang semakin aman dan desakan yang bertaltu-talu, pihak pemerintah telah melakukam langkah untuk mengadakan Pilihanraya. Pada pertengahan tahun 1953, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi dengan persetujuan Raja-raja Melayu mengumumkan bahawa beliau mencadang-

---

<sup>34</sup> Lihat, Ibid., m.s. 223.

<sup>35</sup> Ibid., m.s. 217 - 218.

kan supaya dilantik satu Jawatankuasa Pilihanraya Persekutuan untuk menyiasat Persoalan Pilihanraya untuk Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>36</sup> Keahlian Jawatankuasa ini termasuklah beberapa orang yang dinamakan, dan mereka ini sedapat mungkin mewakili pihak yang punya kepentingan yang terbesar dalam Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan-cadangan daripada pertubuhan politik atau kumpulan-kumpulan umum juga dipelawa.<sup>37</sup> Kemudiannya ditentukan bahawa seramai 46 orang ahli Majlis Perundangan telah dipilih menganggotai Majlis ini.<sup>38</sup> Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan (term of reference) oleh Jawatankuasa ini ialah:

1. Menyiasat kemungkinan mengadakan pilihanraya bagi Majlis Perundangan Persekutuan dan perubahan-perubahan perlembagaan dalam Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengannya.
2. Untuk membuat cadangan-cadangan dan menghantar lapuran secepat mungkin.<sup>39</sup>

Jawatankuasa ini siap menjalankan tugasnya pada 21hb Januari 1954, dan lapurannya diterbitkan pada 1hb Februari

---

<sup>36</sup> Simanjuntak, B., Malayan Federation 1945 - 1963, Oxford University Press, London, 1969, m.s. 70; lihat juga Federation of Malaya, Proceeding of Legislative Council (Sixt Session) March, 1953 to January, 1954, Government Printer, K.L., m.s. 285.

<sup>37</sup> Ibid., m.s. 285.

<sup>38</sup> Federation of Malaya, Proceeding of Legislative Council (Sixt Session) March, 1953 to January 1954, Government Printer, K.L., m.s. 438.

<sup>39</sup> Report of the Committee Appointed to Examine the question of Election to the Federal Legislative Council, Government Printer, Kuala Lumpur, 1954, m.s. 1.

1954.<sup>40</sup> Seterusnya lapuran itu dibentangkan ke Majlis Perundangan Persekutuan.

Menyentuh berbagai aspek lapuran Jawatankuasa ini.

Hagenai cara pilihanraya, Jawatankuasa ini mencadangkan satu cara pilihanraya secara langsung, (direct election).<sup>41</sup> Cara ini dikatakan sebagai boleh memberikan kebaikan kerana mewujudkan satu rasa tanggungjawab pada diri calun terhadap pemilih-pemilih dan mengeratkan perhubungan secara langsung antara calun dan pemilih supaya rayuan-rayuan terus dipertimbangkan.<sup>42</sup>

Jawatankuasa itu juga menolak daripada diadakan daftar pemilih yang berasingan mengikut kaum.<sup>43</sup> Ini adalah kerana memurutnya, cara ini akan bertentangan dengan usaha untuk menggalakkan perpaduan kebangsaan di kalangan penduduk-penduduk negara ini. Ini bermakna Jawatankuasa ini mencadangkan supaya digunakan satu daftar pemilih.<sup>44</sup> Dalam keadaan begini pengundi-pengundi yang berbilang bangsa mengundi berdasarkan persempadanan wilayah mengundi dan bukan berdasarkan kumpulan bangsa.

---

<sup>40</sup> Memorandum on the Introduction of Election to the Federal Legislative Council, Government Printer, Kuala Lumpur, 1954, m.s. 2 - 3.

<sup>41</sup> Report of the Committee Appointed to Examine the Question of Election to the Federal Legislative Council; Op. cit., No. 11, m.s. 12.

<sup>42</sup> Ibid., para 61, m.s. 12.

<sup>43</sup> Ibid., para 62, m.s. 13.

<sup>44</sup> Ibid., para 62, m.s. 13.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini tidak menyebutkan bilangan yang mutlak bagi ahli-ahli yang akan dipilih melalui pilihanraya ini.<sup>45</sup>

Jawatankuasa ini mencadangkan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Suruhanjaya yang akan dibentuk bagi mengaji persempadanan pilihanraya.<sup>46</sup>

Antara lain ialah:

- a) Suruhanjaya patut menimbulkan kemudahan bagi pemilih-pemilih untuk ketempat membuat undi dan sepatutnya tidak 'menyeberang' sempadan negeri dan petempatan.
- b) Perhatian perlu diberikan terhadap kemudahan-kemudahan pentadbiran yang terdapat ditiap-tiap kawasan supaya mudah dijalankan usaha pendaftaran dan peroses pengundian.
- c) Bilangan pengundi (penduduk) bagi tiap-tiap kawasan pengundian hendaklah lebih kurang sama.
- d) Corak yang dicadangkan bagi kawasan luarbandar ialah 'single member constituencies' [tetapi dicadangkan supaya Suruhanjaya diberikan butibicara sekiranya difikirkan sesuai supaya corak kawasan bandar ialah 'multiple member constituencies'.<sup>7</sup>

menyentuh tentang sistem pilihanraya yang patut diikuti,

---

<sup>45</sup> Ibid., para 65, m.s. 13.

<sup>46</sup> Ibid., para 65, m.s. 13.

Jawatankuasa ini lebih menggalakan supaya digunakan sistem 'Simple Majority Vote'. Ini adalah kerana sistem ini boleh menciptakan satu bentuk kerajaan yang setabil dan kuat.<sup>47</sup>

Tentang kelayakan mengundi pula, Jawatankuasa ini mencadangkan, bahawa semua warganegara Persekutuan (tertakluk kepada mereka memenuhi keperluan-keperluan yang perlu seperti mastautin) adalah layak untuk mengundi pada pilihanraya kebangsaan.<sup>48</sup> Kategori-kategori orang yang ditolak ialah:

1. Orang yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dalam masa lima tahun sebelum pilihanraya diadakan.
2. Warganegara British yang dilahirkan di Singapura.<sup>49</sup>

Umur untuk layak mengundi ialah 21 tahun dan perempuan diberikan kelayakan mengundi, sama dengan lelaki.<sup>50</sup> Pilihanraya itu juga dicadangkan supaya menjadikan mengundi itu sebagai sukarela.<sup>51</sup>

Apa yang jelas bahawa dalam Laporan Jawatankuasa itu telah gagal untuk menyebutkan tarikh yang tepat bagi pilihanraya. Gulungan minoriti mahukan pilihanraya itu diadakan pada akhir tahun

---

<sup>47</sup> Ibid., para 71, m.s. 15.

<sup>48</sup> Ibid., para 85, m.s. 18.

<sup>49</sup> Ibid., para 86, m.s. 18.

<sup>50</sup> Ibid.

<sup>51</sup> Ibid., para 96, m.s. 19.

1954 itu juga. Tetapi gulungan majoriti mahu ditanggahkan lagi.<sup>52</sup>

Pertentangan juga terdapat dalam soal menentukan bilangan ahli Majlis yang bakal dipilih melalui pilihanraya itu. Gulungan minoriti mahukan ahli Majlis seramai 100 orang dengan seramai tiga perlima daripadanya adalah dipilih melalui pilihanraya. Tetapi gulungan majoriti mahukan keanggotaan dalam Majlis seramai 92 orang dengan seramai 44 orang yang dipilih.<sup>53</sup>

Lain-lain cadangan Jawatankuasa itu ialah, pegawai-pegawai kerajaan adalah dilarang daripada bertanding.<sup>54</sup>

Sebagaimana dikatakan tadi, ada beberapa posisi yang membulkan pertelingkahan berhubung dengan Laporan Jawatankuasa tersebut. Salah satu daripadanya ialah soal bilangan ahli yang akan dipilih melalui pilihanraya. Tetapi perkara ini akhirnya diselesaikan dengan kerajaan mengumumkan pada 27hb April 1954, bahawa Majlis itu nanti akan menyandungi ahli seramai 100 orang dengan 46 orang dilantik dan 52 orang dipilih melalui pilihanraya.<sup>55</sup>

Cadangan-cadangan Jawatankuasa itu telah dikaji sedalam-dalamnya Rang Undang-undang Pilihanraya Persekutuan, dibentangkan dan

<sup>52</sup> Carmell, Francis G., Constitutional Reform and Election in Malaya, Pacific Affair, Vol. 27, No. 3, September, 1954, m.s. 226.

<sup>53</sup> Ibid., m.s. 226.

<sup>54</sup> Ibid., m.s. 226.

<sup>55</sup> Ibid., m.s. 228.

diterima pada Ogos 1954. Selepas beberapa pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan, diumumkan bahawa kemungkinan pilihanraya akan diadakan pada tahun 1955.<sup>56</sup>

Sementara itu Suruhanjaya yang ditugaskan untuk mempersiapkan kawasan-kawasan pilihanraya, siap menjalankan tugas mereka dan menyiapkan laporan mereka.<sup>57</sup>

Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Lord Merthyr ini dibentuk dengan tujuan untuk membahagikan Persokutuan kepada beberapa kawasan pilihanraya untuk bersedia mengadakan pilihanraya ke Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>58</sup>

Faktur-faktur yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya ini dalam mempersiapkan kawasan-kawasan pilihanraya ialah:

1. Pilihanraya akan dijalankan dengan cara langsung (direct method), dimana pemilih akan mengundi seseorang yang ianya jika berjaya akan mendapat kerusi dalam Majlis Perundangan.<sup>59</sup>
2. Lain-lain perkara yang ditetapkan dalam perik-

---

<sup>56</sup> Ibid., m.s. 228.

<sup>57</sup> Ibid., m.s. 229.

<sup>58</sup> Report of the Constituency Delimitation Commission, 1954, Government Printer, Kuala Lumpur, m.s. 1.

<sup>59</sup> Ibid., m.s. 1.

perkara yang perlu dipertimbangkan (term of reference).<sup>60</sup>

Ada berbagai aspek yang disentuh oleh Suruhanjaya ini. Mengenai bilangan penduduk disesuatu tempat yang dijangka layak mengundi, dan sebagaimana yang diketahui Suruhanjaya ini diarahkan seberapa boleh supaya bilangan pemilih ditiap-tiap kawasan itu seakan-akan sama. Disini Suruhanjaya telah memutuskan untuk menggunakan angka bancian tahun 1947.<sup>61</sup> Suruhanjaya itu juga mencadangkan supaya dinasau akan datang diadakan kajian lagi tentang persempadanannya ini. Angka bilangan penduduk seperti bancian tahun 1947 yang diambil ialah seramai 4,908,086 orang.

JADUAL I

Bilangan Penduduk Persekutuan

Penduduk 1947 (bancian)	4,908,086
Penduduk 1953, Jun. (jangkaan)	5,698,200

Puncas: Report of Constituency Delineation Commission, 1954, m.s. 3.

<sup>60</sup> Report of the Committee Appointed to Examine the Question of Election to the Federal Legislative Council, 1954, para 64. Petikan daripada para ini ada dimasukan dalam Report of the Constituency Delineation Commission, Appendix I, m.s. 35.

<sup>61</sup> Report of the Constituency Delineation Commission, Op. cit., No. 58, m.s. 3.

Sebagaimana yang telah ditetapkan bahawa bilangan kerusi bagi ahli yang dipilih ialah sebanyak 52 kerusi. Ini bermakna terpaksa dibuat persempadanan bagi 52 buah kawasan pilihanraya. Dengan berdasarkan 52 buah kawasan ini, dengan penduduk seramai 4,908,086 orang akan memberi purata bagi tiap-tiap kawasan sebanyak 94,386 orang.<sup>62</sup>

Dari laporan ini jelaslah bahawa Suruhanjaya itu tidak memperdulikan adanya kawasan itu yang punya kadar penduduk yang tinggi jika dibandingkan dengan kawasan yang lain.<sup>63</sup> Suruhanjaya itu juga tidak memperdulikan pertimbangan bangsa (racial consideration), tetapi memperhitungkan kepentingan am sesuatu tempat itu.

Suruhanjaya ini juga menghadapi kesukaran dalam membentuk kawasan penduduk yang seakan-akan sama dengan tidak menyeberangi sempadan tiap-tiap negeri yang berkenaan. Tetapi akhirnya kesukaran ini dapat juga dihadapi dengan tidak melanggar 'term of reference' yang telah ditetapkan.

Menyentuh satu aspek yang lain, Suruhanjaya ini moncadangkan pembentukan 'single member constituency' bagi Persekutuan, dan menolak corak 'multiple member constituency'.<sup>64</sup>

Suruhanjaya ini juga moncadangkan, supaya pengundi-pengundi

---

<sup>62</sup> Ibid., m.s. 4.

<sup>63</sup> Ibid., m.s. 4.

<sup>64</sup> Ibid., m.s. 10.

mula ketempat mengundi, kemudahan-kemudahan pentadbiran, maka patutlah ada undang-undang yang membenarkan jentera pentadbiran di kawasan sempadan memenuhi keperluan-keperluan kawasan yang berhampiran dengannya.<sup>65</sup>

Akhirnya Suruhanjaya ini mencadangkan 52 buah (kawasan pilihanraya) dengan disiapkan peruntukan kawasan bagi tiap-tiap negeri.<sup>66</sup>

Apa yang jelas daripada lapuran Suruhanjaya ini ialah iaanya tidak memperdulikan langsung unsur 'communal', walaupun pada hakikatnya negeri ini adalah berbilang bangsa.<sup>67</sup>

Selepas daripada ini, daripada masa ke semasa usaha-usaha dijalankan untuk mengedakan pilihanraya Persekutuan yang pertama. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dipinda beberapa kali untuk diubahsuaikan bagi diadakan pilihanraya.<sup>68</sup> Umpamanya, ceraian 36(1) Perjanjian tersebut telah dipinda dengan menyebut bahawa Anggota Majlis termasuklah nanti 52 orang ahli yang dipilih.<sup>69</sup> Ceraian 40A(1) pula menyebut tentang kelayakan 'calun' ahli yang dipilih.<sup>70</sup>

---

<sup>65</sup> Ibid., m.s. 10.

<sup>66</sup> Ibid., m.s. 12.

<sup>67</sup> Simandjuntak, Malayan Federalism. Op. cit., m.s. 73.

<sup>68</sup> The Federation of Malaya Agreement 1948, Government Printer, Kuala Lumpur, 1955.

<sup>69</sup> Ibid., Part IV, Ceraian 36(1).

<sup>70</sup> Ibid., Part IV, Ceraian 40A(1).

Ceraian 41B(1) mengenai orang-orang yang layak mengundi.<sup>71</sup>

### Pilihanraya 1955

Persiapan untuk mengadakan pilihanraya pada tahun 1955 semakin rancak dijalankan. Lain-lain persiapan yang dibuat ialah meluluskan beberapa perundangan seperti:

- a) Registration of Election Ordinance, 1954 (No. 28 of 1954) dan Peraturan-peraturan yang dibuat dari masa kemasa.
- b) Legislative Council Election Ordinance, 1954 (No. 29 of 1954) dan Peraturan-peraturan yang dibuat dari masa kemasa,
- c) The Election Offences Ordinance, 1954 (No. 9 of 1954) seperti dipinda dengan The Election Offences (Pindaan) Ordinance, 1955.

Sementara itu cadangan-cadangan daripada Laporan Suruhanjaya Persempadan, 1954 dulu telah diterima oleh pihak kerajaan. Kawasan-kawasan pengundian (polling district) telah disusun dan ditetapkan.

---

<sup>71</sup> Ibid., Part IV, Ceraian 41B(1).

JADUAL 2

Bilangan Kawasan-kawasan Pengundian

Negeri	Bilangan Kerusi	Bil. Kawasan Pengundian	Bil. Setesen Pengundian
1. Pulau Pinang	4	68	141
2. Melaka	2	85	85
3. Perak	10	201	239
4. Selangor	7	125	134
5. Negeri Sembilan	3	85	97
6. Pahang	3	120	125
7. Johor	6	263	275
8. Kedah	6	183	184
9. Kelantan	5	245	245
10. Trengganu	3	107	127
11. Perlis	1	22	27

Punca: Federation of Malaya, Report of First Election to the Legislative Council, (T.E. Smith), 1955.

Pendaftaran Pengundi telah dijalankan menurut peruntukan peruntukan 'The Registration of Electors Ordinance, 1954' dan peraturan peraturan yang dibuat di bawahnya. Disini pendaftaran adalah secara sukarela dengan dijalankan oleh pegawai-pegawai yang berkenan. Lebih kurang 1,260,000 orang mendaftar sebagai pengundi.<sup>72</sup>

Pada hari penamaan calum, seramai 129 orang calum yang ingin bertanding, manai yang mewakili beberapa pertubuhan parti politik.<sup>73</sup>

<sup>72</sup>(Smith, T.E., Federation of Malaya, Report of the First Election to the Legislative Council, 1955, n.s. 10.

<sup>73</sup>Ibid., n.s. 16.

Pengundian bagi pilihanraya yang pertama peringkat Persekutuan ini telah dijalankan pada 27hb Julai 1955,<sup>74</sup> dan dijalankan menurut peruntukan-peruntukan 'Legislative Council Ordinance,' 1954. Seramai lebih daripada sejuta orang telah keluar mengundi. Jumlah undi rosak yang ditolak ialah 2 $\frac{1}{2}$  (peratus).<sup>75</sup>

Keputusan pilihanraya pertama ini ialah Perikatan mendapat 51 buah kerusi daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan.<sup>76</sup>

Bertitiktolak daripada pilihanraya 1955 ini, maka bermulalah satu sistem pilihanraya bagi peringkat Persekutuan Tanah Melayu.

### Pilihanraya 1959

Ketika usaha-usaha kearah kemerdekaan pesat dijalankan, maka persiapan-persiapan dibuat untuk mewujudkan sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Dalam perlembagaan yang dicadangkan itu termasuklah beberapa perkara yang berkaitan dengan pilihanraya. Tugas menyusun perlembagaan diserahkan kepada satu Suruhanjaya.

Suruhanjaya ini berpendapat bahawa untuk mewujudkan satu Parlimen yang benar-benar representatif bagi Persekutuan Tanah Melayu

---

<sup>74</sup> Ibid., m.s. 1.

<sup>75</sup> Ibid., m.s. 27.

<sup>76</sup> Ibid., m.s. 30.

hendaklah ahli-ahlinya dipilih melalui satu sistem pilihanraya.<sup>77</sup> Mereka juga merasakan yang pilihanraya seterusnya tidak akan dapat dijalankan awal daripada 1959. Ini adalah kerana berkaitan dengan soal pendaftaran pengundi yang melibatkan kelayakan kewargengagasan yang baru, Suruhanjaya ini juga bersetuju sehingga pilihanraya diadakan, Majlis Perundangan Persekutuan yang wujud masa itu diterima berfungsi sebagai Parlimen.<sup>78</sup>

Suruhanjaya itu juga berpendapat sebelum pilihanraya yang selanjutnya diadakan, hendaklah diwujudkan daftar pengundi yang baru untuk mengantikan daftar pengundi yang digunakan pada tahun 1955 dulu.<sup>79</sup> Satu persempadan kawasan pilihanraya yang baru juga dicadangkan bagi mempersuaikan dengan bilangan ahli Dewan yang dipilih nanti.

Suruhanjaya juga mencadangkan supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Pilihanraya yang bebas yang bertanggungjawab menguruskan pilihanraya. Suruhanjaya itu patut mengandungi tiga orang ahli.<sup>80</sup> Ahli-ahlinya hendaklah dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong dan kedudukan mereka tidak boleh dipecatkan, kecuali dengan cara yang digunakan terhadap seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

Suruhanjaya ini juga menyebut perkara persempadan kawasan

---

<sup>77</sup> Federation of Malaya, Report of Constitutional Commission, 1957, The Majesty's Stationery Office, London, 1957, m.s. 29 (para 70).

<sup>78</sup> Ibid., m.s. 29, (para 70).

<sup>79</sup> Ibid., m.s. 29.

<sup>80</sup> Ibid., m.s. 30, (para 71).

pilihanraya. Persempadanan hendaklah dibuat menurut bilangan kerusi ahli Parlimen yang dipilih. Suruhanjaya ini berpendapat cara yang paling mudah dibuat ialah dengan mengadakan 52 kawasan yang telah sedia ada, menjadikan sebanyak 104 Kawasan, iaitu bilangan ahli Parlimen yang dipilih.<sup>81</sup>

Suruhanjaya ini juga mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya juga menyusun persempadanan kawasan pilihanraya bagi kawasan Dewan Perundangan Negeri.<sup>82</sup> Kelayakan mengundi bagi pilihanraya Dewan Perundangan Negeri hendaklah sama dengan Dewan Parlimen Persekutuan, dan daftar pengundi yang sama sepatautnya digunakan. Dicadangkan juga (Artikel 110) supaya bilangan kerusi Dewan Perundangan Negeri adalah seperti berikut: Johor 32, Kedah 24, Kelantan 30, Melaka 20, Negeri Sembilan 24, Pahang 24, Pulau Pinang 24, Perak 40, Perlis 12, Selangor 28, dan Trengganu 24.<sup>83</sup>

Dicadangkan juga persempadanan kawasan pilihanraya hendaklah dibuat dalam jangka masa antara lapan dan sepuluh tahun.<sup>84</sup> Sebagaimana diketahui juga beberapa cadangan Suruhanjaya mengenai pilihanraya ini telah dimasukan dan diterima dalam Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka pada 31hb Ogos 1957.<sup>85</sup>

---

<sup>81</sup> Ibid., m.s. 29.

<sup>82</sup> Ibid., m.s. 29, (para 76).

<sup>83</sup> Ibid., m.s. 30, (para 76).

<sup>84</sup> Federation of Malaya Constitutional Proposal 1957, Government Printer, Kuala Lumpur, 1957, m.s. 8.

<sup>85</sup> Federal Constitution, Federation of Malaya, 1957, Government Printer, Kuala Lumpur.

Adalah jelas daripada Perlembagaan itu bahawa tugas-tugas mengelolakan dan menjalankan pilihanraya adalah terletak kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang merupakan satu badan yang bebas.

Dalam mempersiapkan kawasan-kawasan pilihanraya, Perlembagaan menetapkan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Yang jelasnya, cadangan-cadangan oleh Suruhanjaya Perlembagaan mengenai pilihanraya ini telah diterima dan dimasukan dalam perlembagaan yang baru itu.

Mengenai sistem pilihanraya yang patut diikuti oleh Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka ialah sistem yang dikenali sebagai 'The First Past the Post' atau 'Simple Majority with one Ballot', dimana untuk memenuhi sesuatu kawasan pilihanraya itu, calon yang berkenaan tidak perlu mendapat lebih daripada separuh jumlah undi yang dibuang dalam sesuatu pilihanraya. Ia cuma dikehendaki mendapat undi yang lebih daripada lawannya (walaupun cuma satu undi).<sup>86</sup>

Selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka dan perlembagaan itu diterima, usaha-usaha telah dibuat untuk mengadakan pilihanraya pada tahun 1959. Antaranya ialah langkah-langkah untuk mempersiapkan kawasan pilihanraya, pendaftaran pengundi-pengundi dan lain-lain lagi.

Untuk menjalankan pilihanraya ini, Suruhanjaya Pilihanraya telah ditubuhkan, tidak lama selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai

---

<sup>86</sup> Hickling, R.H., An Introduction to the Federal Constitution, Federal Federation of Malaya Information Service, Kuala Lumpur, 1960, m.s. 69.

kemerdekaan.<sup>87</sup> Penubuhannya dibuat dan menjalankan fungsi menurut perlembagaan dan undang-undang yang berkenaan.

Pada tahun 1958, Suruhanjaya ini menjalankan tugas mempersiapkan kawasan-kawasan pilihanraya, daripada 52 kawasan yang ada pada masa itu kepada 104 kawasan. Persempadanan ini dibuat menurut peruntukan-peruntukan perlembagaan. Untuk kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri pula, kawasan pilihanraya Parlimen ditiap-tiap negeri digundakan dua.<sup>88</sup> Tugas mempersiapkan ini disiapkan pada masa sebelum menjelang pilihanraya 1959.

Usaha pendaftaran mengundi dan pengulangkajian daftar pengundi telah dijalankan sebelum diadakan pilihanraya. Kelayakan untuk menjadi pengundi disebut dalam perlembagaan. Walau bagaimanapun pendaftaran adalah tidak diwajibkan.<sup>89</sup>

Perundangan-perundangan yang menjadi 'farework' kepada pilihanraya ini ialah kandungan Bahagian Lapan : Perlembagaan Persekutuan dan perundangan-perundangan berikut:

---

<sup>87</sup> Federation of Malaya, Report On The Parliamentary and State Election 1959, Government Printer, Kuala Lumpur, 1960, m.s. 1.

<sup>88</sup> Federation of Malaya, Report Of The Election Commission On The Delimitation Of Constituencies For The First Election To The House Of Representatives And The State Legislative Assemblies, 1958, Government Printer, Kuala Lumpur, 1958.

<sup>89</sup> Federation of Malaya, Report of The Parliamentary And State Election, 1959, Op. cit., No. 87, m.s. 2.

1. Election Commission Ordinance, 1957
2. Election Ordinance, 1958
3. Election Offences Ordinance, 1954  
(sebagaimana dijindai sehingga 1hb April 1959)
4. Election (Conduct of Election) Regulation, 1959
5. Election (Control of Motor Vehicles and Vessel)  
Regulation, 1959
6. Election (Postal Voting) Regulation, 1959
7. Election (Registration of Electors) Regulation, 1958
8. Fees (Remission of Postage on Parliamentary and  
State Election Communication) Order, 1959  
dan lain-lain lagi.

Pilihanraya pada tahun 1959 ini merupakan kali pertamanya pilihanraya Parlimen dan Dewan Negeri diadakan selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Dalam pilihanraya ini sebanyak 282 buah kerusi diperingkat Dewan Undangan Negeri dipertandingkan antara 806 calun.<sup>90</sup> Diperingkat Parlimen pula, 104 kerusi direbut oleh 259 orang calun.<sup>91</sup>

Selepas penamaan calun tiap-tiap parti menjalankan kompen masuk-masing.

---

<sup>90</sup> Ibid., m.s. 4.

<sup>91</sup> Ibid., m.s. 4.

Hari pengundian berjalan dengan baik. Seramai 74.3 peratus pengundi telah mengundi dalam pilihanraya peringkat negeri dan 73.3 peratus diperingkat Parlimen.<sup>92</sup> Jumlah undi resak bagi pilihanraya negeri ialah 2.5 peratus dan bagi pilihanraya Parlimen 1.1 peratus.<sup>93</sup>

Menurut keputusan pilihanraya ini, Parti Perikatan mendapat kejayaan yang cemerlang, sanada diperingkat negeri atau Parlimen. Di Peringkat Parlimen, Parti Perikatan mendapat 74 kerusi, PAS 13 kerusi, Socialist Front 8 kerusi, P.P.P. 4 kerusi, Parti Negara 1 kerusi, Malayan Party 1 kerusi dan Calun Bebas 3 kerusi.<sup>94</sup>

Diakhiri pilihanraya sebanyak dua rayuan pilihanraya (election petition) telah dihantar.

Pilihanraya 1959 ini menunjukkan rakyat di Persekutuan Tanah Melayu (masa itu) mempunyai kemampuan untuk menjalankan pilihanraya.

Jika dibandingkan dengan pilihanraya pada tahun 1955, maka didapati dalam tahun 1959 ialah terdapatnya perimbangan pengundi

---

<sup>92</sup> Ibid., m.s. 7.

<sup>93</sup> Ibid., m.s. 6.

<sup>94</sup> Ibid., m.s. 7.

Bukan Melayu yang bertambah. Pada undi pada tahun 1959 ialah seramai 2,144,829 orang. Antaranya, kira-kira 1,217,000 orang Melayu, 764,000 orang China, 159,000 orang India dan 4,000 orang lain-lain bangsa.<sup>95</sup>

### Pilihanraya 1964

Selepas Pilihanraya Umum 1959, Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan usaha untuk mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya sebagai persediaan untuk pilihanraya selanjutnya. Persempadan ini dibuat menurut peruntukan perlembagaan pada masa itu yang memberikan bilangan sebanyak 100 kerusi. Dengan ini terpaksa lah Suruhanjaya membuat kajian dan lapuran yang baru.<sup>96</sup>

Walau bagaimanapun, oleh sebab peruntukan perlembagaan yang berkenaan telah dipinda pada tahun 1962, maka bilangan 104 bahagian Pilihanraya Parlimen yang sedia ada telah dipersempadan dalam tahun 1958<sup>97</sup> adalah dipakai. Begitujuga, 262 bahagian-bahagian pilihanraya negeri yang telah dipersempadan dalam tahun 1958 bagi

<sup>95</sup> Ratnam, K.J., Paham Parkuman dan Peroses Politik di Malaya, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 235

<sup>96</sup> Federation of Malaya, Report of the Election Commission on the Delimitation of Parliamentary and State Constituencies, 1960 Government Printer, Kuala Lumpur, 1960.

<sup>97</sup> Lihat, Federation of Malaya, Report of the Election Commission on the Delimitation of Constituencies for the First Election to the House of Representative and State Legislative Assemblies, 1958, Op. cit., No. 88.

bagi pilihanraya umum 1959, adalah dipakai. Ini bermakna persen-padanannya tidaklah perlu dibuat bagi pilihanraya umum tahun 1964. Bagi negeri-negori di Persekutuan Tanah Melayu, kedudukan (bilangan) kerusi bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan Parlimen adalah sama seperti pilihanraya tahun 1959.

Disini jelas bahawa tugas Suruhanjaya Pilihanraya hanyalah mengomukakan cadangan dalam soal nonpersenpadanan ini. Persenpadanan ini perlulah dijalankan menurut Perlembagaan terutama Jadual Ketigabelas.

Mengenai pendaftaran pengundi, pada tahun 1960, satu pendaftaran pengundi sempurna dijalankan seluruh negara. Seramai 2,423,085 orang telah dimasukkan dalam senarai pengundi. Ulangtajian daftar pengundi dijalankan tiap-tiap tahun.<sup>98</sup>

Pada hari penamaan calun, seramai 279 orang calun bertanding bagi merebut 104 kerusi pilihanraya Parlimen dan 769 orang calun bertanding bagi merebut 282 kerusi pilihanraya Dewan Undangan Negeri.<sup>99</sup>

Hari mengundi diadakan serentak bagi pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri pada 25hb April 1964. Seramai 78,9

<sup>98</sup> Report on the Parliamentary and State Legislative Assembly General Election, 1964, m.s. 4.

<sup>99</sup> Ibid., m.s. 13.

peratus pengundi mengundi bagi kedua-dua pilihanraya. Jumlah undi rosak bagi Pilihanraya Parlimen ialah 4.2 peratus dan pilihanraya negeri, 4.8 peratus.<sup>1</sup>

Sekali lagi dalam pilihanraya ini, Perikatan memenangi sebahagian besar daripada kerusi-kerusi yang dipertandingkan dikedua-dua peringkat pilihanraya.

Sebanyak 11 rayuan pilihanraya dibuat selepas pilihanraya diadakan.

Keseluruhannya pilihanraya ini berjalan dengan licin dan aman.

### Pilihanraya 1969

Sistem pilihanraya di Malaysia terus berkecambang lagi. Walabagaimana pun tidak banyak perubahan dibuat dalam sistem yang telah diikuti.

Langkah seterusnya ialah mengelolakan pilihanraya pada tahun 1969. Kedudukan bilangan kerusi bagi negeri-negeri di Malaysia Barat bagi kedua-dua peringkat pilihanraya Negeri dan Parlimen adalah tidak berubah. Tidak ada persempadanan yang baru dibuat bagi Pilihanraya 1969 ini. Cuma jika dicmpurkan dengan bilangan kerusi daripada

---

<sup>1</sup> Ibid., m.s. 16, Lihat juga komen Ratnam dan Milne dalam, The Malayan Parliamentary Election, 1964, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969.

negori-negori di Malaysia Timur, bilangan kerusi Dewan Parlimen ialah sebanyak 144 buah.

Sebelum diadakan pilihanraya, satu penyatakan undang-undang dan peraturan-peraturan pilihanraya telah dibuat antaranya ialah pindaan kepada Akta Keadaan-Keselahan Pilihanraya, 1954. Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1959, dan lain-lain lagi.

Sotolah daftar pengundi disahkan pada tahun 1969, didapati, pengundi-pengundi bagi seluruh Malaysia ialah seramai 3,843,782 orang. Bagi Malaysia Barat sahaja ialah seramai 3,302,184 orang. Jumlah pengundi-pengundi daripada Malaysia Barat bertambah seramai 539,107 orang daripada tahun 1964.<sup>2</sup>

Bagi pilihanraya 1969, rukun tatatertib pilihanraya telah diwujudkan. Pada hari penutupan calum, sebanyak 104 kerusi Dewan Rakyat bagi negeri-negeri di Malaysia Barat, 16 di Sabah dan 24 di Sarawak telah dipertandingi oleh 322 orang calum.<sup>3</sup>

Pilihanraya umum bagi kedua-dua Dewan ini diadakan pada 10hb Mei 1969.

---

<sup>2</sup> Malaysia, Penyata Umum Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri, 1969, Penerbit Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 5.

<sup>3</sup> Ibid., m.s. 11.

Di Malaysia Barat seorang 74.3 peratus pengundi telah keluar mengundi bagi kodua-dua Dewan. Sekali lagi dalam pilihanraya ini, Parti Perikatan memenangi kerusi terbanyak. Bagi negeri-negari di Malaysia Barat, peratus undi yang ditolak 4.9 peratus (bagi pilihanraya Parlimen).<sup>4</sup>

Selepas pilihanraya, sebanyak 10 ratusan pilihanraya telah dibant.

Satu perkara yang menyedihkan, terjadi selepas pilihanraya ini ialah Trajedi 13 Mei, yang banyak mengorbankan nyawa dan harta benda. Ada beberapa sebab yang berpunca daripada pilihanraya ini telah mencetuskan trajedi ini. Antaranya ialah semasa diadakan kempen pilihanraya, parti-parti politik yang tertentu telah mengapi-opikan sebarang perkuatan. Perorangan kemenangan beberapa parti telah mencetuskan trajedi yang menyatakan hati itu.

#### Pilihanraya 1974

Sistem pilihanraya di Malaysia terus berkembangan dan dilanjutkan lagi dengan persiapan-persiapan untuk mengadakan pilihanraya pada tahun 1974.

---

<sup>4</sup> Ibid., n.s. 22. Untuk mengetahui komen mengenai pilihanraya 1969 ini, lihat: Vasil, R.K., The Malaysian General Election 1969, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.

Berikut dengan pindaan Perlembagaan mengenai bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, maka Suruhanjaya Pilihanraya bertanggungjawab untuk mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya. Usaha-usaha ini dijalankan oleh Suruhanjaya menurut perlembagaan dan satu lapuran telah disiapkan.<sup>5</sup>

Akhirnya kesemuanya 114 bahagian pilihanraya Parlimen dan 312 bahagian pilihanraya negeri di Negeri-negeri Tanah Melayu dan 16 bahagian pilihanraya Parlimen dan 48 bahagian pilihanraya negeri di Sabah dipersempadankan. Sempadan-sempadan yang baharu ini diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan Julai 1974.<sup>6</sup>

Sebelum Pilihanraya Umum 1974 diadakan, satu penyemakan undang-undang dan peraturan-peraturan pilihanraya telah dibuat. Undang-undang yang terlibat ialah Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1959, Akta Kесالahan Pilihanraya, 1954 dan lain-lain lagi.

Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (kecuali Dewan Undangan Negeri Sabah) telah dibubarkan pada 31hb Julai 1974, iaitu lebih awal daripada tempuh masa lima tahun yang dibenarkan itu. Pembubaran secara mengejut ini menyebabkan tidak memberi Suruhanjaya Pilihanraya

---

<sup>5</sup>Malaysia, Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Atas Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) Tahun 1974, (Suruhanjaya Pilihanraya), Pencetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1974.

<sup>6</sup>Malaysia, (Suruhanjaya Pilihanraya) Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sarawak, 1974, Pencetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1975.

masa yang cukup untuk menyediakan Daftar Pemilih yang lebih memuaskan dan untuk pemilih-pemilih mengenali bahagian-bahagian pilihanraya yang baru dipersempadankan itu.

Suruhanjaya pilihanraya telah tidak dapat mengadakan penyemakan khas daftar pemilih sebagaimana yang biasa dibuat menjelang pilihanraya umum. Suruhanjaya telah terpaksa menyusun balik daftar-daftar yang sedia ada menurut bahagian-bahagian pilihanraya yang baru.

Daftar pemilih yang dipakai untuk pilihanraya umum ini ialah daftar yang disemak semula dalam tahun 1973 dan telah disahkan pada 3hb Julai 1974, selepas itu daftar itu telah disusun mengikut bahagian-bahagian pilihanraya yang baharu. Menurut daftar ini jumlah keseluruhan pengundi-pengundi ialah 4,140,030 orang. Seramai 3,523,681 orang daripadanya ialah pengundi-pengundi daripada Persekutuan Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia). Ini menunjukkan pemilih-pemilih di Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak 221,497 orang dari jumlah pemilih dalam pilihanraya umum 1969.<sup>7</sup>

Pada hari penamaan calon, bagi kerusi Dewan Rakyat seramai 327 orang telah dicalunkan bagi merebut keseluruhan kerusi.

Kempen pilihanraya diadakan dengan lebih anan jika di-

---

<sup>7</sup> Ibid., m.s. 7.

negori-negori di Malaysia Timur, bilangan kerusi Dewan Parlimen ialah sebanyak 144 buah.

Sebelum diadakan pilihanraya, satu penyenakan undang-undang dan peraturan-peraturan pilihanraya telah dibuat antaranya ialah pindaan kepada Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya, 1954. Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1959, dan lain-lain lagi.

Sotelah daftar pengundi disahkan pada tahun 1969, didapati, pengundi-pengundi bagi seluruh Malaysia ialah seramai 3,843,782 orang. Bagi Malaysia Barat sahaja ialah seramai 3,302,184 orang. Jumlah pengundi-pengundi daripada Malaysia Barat bertambah seramai 539,107 orang daripada tahun 1964.<sup>2</sup>

Bagi pilihanraya 1969, rukun tatatertib pilihanraya telah diwujudkan. Pada hari penutupan calum, sebanyak 104 kerusi Dewan Rakyat bagi negori-negori di Malaysia Barat, 16 di Sabah dan 24 di Sarawak telah dipertandingi oleh 322 orang calum.<sup>3</sup>

Pilihanraya umum bagi kedua-dua Dewan ini diadakan pada 10hb Mei 1969.

---

<sup>2</sup>Malaysia, Penyata Umum Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri, 1969, Pencetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 5.

<sup>3</sup>Ibid., m.s. 11.

Di Malaysia Barat seramai 74.3 peratus pengundi telah keluar mengundi bagi kedua-dua Dewan. Sekali lagi dalam pilihanraya ini, Parti Perikatan memenangi kerusi terbanyak. Bagi negeri-negeri di Malaysia Barat, peratus undi yang ditolak 4.9 peratus (bagi pilihanraya Parlimen).<sup>4</sup>

Selaras pilihanraya, sebanyak 10 ruyauan pilihanraya telah dibantah.

Setu perkara yang menyedihkan, terjadi selepas pilihanraya ini ialah Trajedi 13 Mei, yang banyak mengorbankan nyawa dan harta benda. Ada beberapa sebab yang berpunca daripada pilihanraya ini telah mencetuskan trajedi ini. Antaranya ialah semasa diadakan kompen pilihanraya, parti-parti politik yang tertentu telah mengapi-apikan semangat perlawanan. Perarakan kemenangan beberapa parti telah mencetuskan trajedi yang menyayatkan hati itu.

#### Pilihanraya 1974

Sistem pilihanraya di Malaysia terus berkembangan dan dilanjutkan lagi dengan persiapan-persiapan untuk mengadakan pilihanraya pada tahun 1974.

---

<sup>4</sup> Ibid., n.s. 22. Untuk mengetahui komen mengenai pilihanraya 1969 ini, lihat: Vasil, R.K., The Malaysian General Election 1969, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.

Berikut dengan pindaan Perlembagaan mengenai bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, maka Suruhanjaya Pilihanraya bertanggungjawab untuk mempersiapkan kawasan-kawasan pilihanraya. Usaha-usaha ini dijalankan oleh Suruhanjaya menurut perlembagaan dan satu lapuran telah disiapkan.<sup>5</sup>

Akhirnya kesemua 114 bahagian pilihanraya Parlimen dan 312 bahagian pilihanraya negeri di Negeri-negeri Tanah Melayu dan 16 bahagian pilihanraya Parlimen dan 48 bahagian pilihanraya negeri di Sabah dipersempadankan. Sempadan-sempadan yang baharu ini diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan Julai 1974.<sup>6</sup>

Sebelum Pilihanraya Umum 1974 diadakan, satu penyemakan undang-undang dan peraturan-peraturan pilihanraya telah dibuat. Undang-undang yang terlibat ialah Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1959, Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954 dan lain-lain lagi.

Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (kecuali Dewan Undangan Negeri Sabah) telah dibubarkan pada 31hb Julai 1974, iaitu lebih awal daripada tempuh masa lima tahun yang dibenarkan itu. Pembubaran secara mengejut ini menyebabkan tidak memberi Suruhanjaya Pilihanraya

---

<sup>5</sup>Malaysia, Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Atas Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) Tahun 1974, (Suruhanjaya Pilihanraya), Pencetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1974.

<sup>6</sup>Malaysia, (Suruhanjaya Pilihanraya) Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sarawak, 1974, Pencetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1975.

masa yang cukup untuk menyediakan Daftar Pemilih yang lebih memuaskan dan untuk pemilih-pemilih mengenali bahagian-bahagian pilihanraya yang baru dipersempadankan itu.

Suruhanjaya pilihanraya telah tidak dapat mengadakan penyenakan khas daftar pemilih sebagaimana yang biasa dibuat menjelang pilihanraya umum. Suruhanjaya telah terpaksa menyusun balik daftar-daftar yang sedia ada menurut bahagian-bahagian pilihanraya yang baru.

Daftar pemilih yang dipakai untuk pilihanraya umum ini ialah daftar yang disenarai semula dalam tahun 1973 dan telah disahkan pada 31hb Julai 1974, selepas itu daftar itu telah disusun mengikut bahagian-bahagian pilihanraya yang baharu. Menurut daftar ini jumlah keseluruhan pengundi-pengundi ialah 4,140,030 orang. Seramai 3,523,681 orang daripadanya ialah pengundi-pengundi daripada Persekutuan Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia). Ini menunjukkan pemilih-pemilih di Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak 221,497 orang dari jumlah pemilih dalam pilihanraya umum 1969.<sup>7</sup>

Pada hari penamaan calon, bagi kerusi Dewan Rakyat seramai 327 orang telah dicalunkan bagi merebut keseluruhan kerusi.

Kempen pilihanraya diadakan dengan lebih anan jika di-

---

<sup>7</sup> Ibid., m.s. / 7.

bandingkan dengan tahun 1969. Salah satu sebabnya ialah dengan adanya pindaan pada Akta Piasutan 1948 yang menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa menyatai perkara-perkara mengenai hak, taraf, kedudukan, keistimewaan seperti yang ditetapkan oleh peruntukan Bahagian Ketiga Perlembagaan Persekutuan atau Perkara-perkara 152,153 atau 181 Perlembagaan.

Pada hari mengundi seramai kira-kira 75.1 peratus (bagi pilihanraya Dewan Rakyat) dan 75.4 peratus (bagi pilihanraya Dewan Negeri), pengundi-pengundi telah keluar mengundi.<sup>8</sup> Peratusan ini (bagi Negeri-negeri Semenanjung Malaysia) adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan peratus-peratus pengundian 1969.

Bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia peratus undi-undi yang ditolak ialah 4.4 peratus (bagi pilihanraya Dewan Rakyat) dan 5.2 peratus (bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri).<sup>9</sup>

Pada hari membuang undi, ada beberapa orang pengundi kocewa sebab nama mereka tidak didepati dalam daftar pemilih. Berikut dengan dakwaan yang diterima itu, Suruhanjaya Pilihanraya telah melantik satu Jawatankuasa Penyiasat bagi menentukan keadaan yang sebenarnya. Orang ramai dipelawa mengemukakan aduan.

---

<sup>8</sup> Ibid., m.s. 13.

<sup>9</sup> Ibid., m.s. 18. Lihat juga Chandra Sekara Pillai, The 1974 General Election in Malaysia.

Setelah dijalankan penyiasatan didapati bahawa sebahagian daripada keciciran itu berlaku kerana Penolong Pegawai Pendaftar telah kurang teliti dalam menyemak nama-nama pemilih. Selain daripada itu terdapat juga kerana nama-nama yang termasuk dalam daftar bahagian pilihanraya yang bularu, berikutan dengan perubahan sempadan pilihanraya.

Berikutnya dengan ini, pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengatur cara baru bagi menyemak dan mendaftar pemilih.

Mengenai keputusan pilihanraya 1974 ini, Parti Barisan Nasional telah mendapat kemenangan yang cemerlang. Keseluruhannya pilihanraya 1974 ini berjalan dengan aman dan tidak berekoran dengan peristiwa yang menyedihkan seperti pilihanraya 1969 dulu.

Daripada tinjauan tahun demi tahun pilihanraya ini, dapatlah dikatakan bahawa sistem pilihanraya di Malaysia berkembang dengan baik. Pilihanraya dapat diadakan pada sesuatu jangka masa yang ditetapkan. Sebelum diadakan sesuatu pilihanraya, persiapan-persiapan yang teliti telah diadakan. Tanggungjawab ini hampir keseluruhannya dibebankan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Persiapan-persiapan yang dibuat terutamanya ialah menyediakan sempadan kawasan pilihanraya, menyiapkan daftar pemilih, mengadakan perundangan-perundangan sebagai 'framework' dan lain-lain lagi.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah selari dengan perkembangan sistem pilihanraya ini ialah perkembangan parti-parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihanraya. Antara parti-

parti politik yang 'dominan' ialah seperti Parti Perikatan (yang ada pilihanraya 1974 menjadi Barisan Nasional dengan komponen-komponen di dalamnya ialah UMNO, MCA, MIC dan PAS (menganggotai Barisan Nasional) Parti Gerakan (juga menganggotai Barisan Nasional ) dan lain-lain lagi.

Sebutan rakyat negara ini pada pilihanraya yang diadakan memang cukup mengalakan. Ini didapati daripada peratus orang yang keluar mengundi yang dideputi pada setiap kali pilihanraya diadakan. Ini menunjukkan rakyat negara ini mempunyai kesedaran dan menghargai sistem pilihanraya yang ada sekarang.

Peratus undi yang rosak juga tidak banyak. Malah ada pendapat-pendapat yang menyatakan bahawa peratus undi rosak di negara ini adalah diantara yang paling rendah di negara-negara yang menjalankan sistem pilihanraya di dunia ini. Ini menunjukkan rakyat negara ini tidak sukar untuk mengalihkan sistem pilihanraya seperti yang wujud sekarang.

Generalisasi yang dapat dibuat ialah tidak adanya perubahan atau eksperimen pada sistem pilihanraya yang diamalkan sejak 1955 ini. Sistem yang sama diamalkan sehingga pilihanraya 1974 dan mungkin untuk pilihanraya yang selanjutnya.